

# **Falsafah Pendidikan Kebangsaan Memperkasakan Peranan Pendidikan Teknik Vokasional Dan Pendidikan Khas**

*Mohd Sofi Bin Nasri, Rohana Hamzah, Amirmudin Udin*

## **ABSTRAK**

Pendidikan khas memainkan peranan penting dalam membantu kanak-kanak yang luar biasa dalam menghadapi cabaran dalam pembelajaran sehinggalah memasuki alam pekerjaan. Latar belakang kurikulum pendidikan khas, kurikulum pendidikan khas, penilaian pendidikan khas dan integrasi antara pendidikan khas dengan pendidikan teknik vokasional di ketengahkan. Oleh itu, artikel ini mengkaji mengenai Falsafah Pendidikan Kebangsaan memperkasakan peranan Pendidikan Teknik Vokasional dan Pendidikan Khas.

Kata kunci: Pendidikan Khas, Kurikulum Pendidikan Khas, Integrasi Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) dan Pendidikan Khas

## **ABSTRACT**

*Special education plays a vital role in helping children who face extraordinary challenges in education until entering the working world. Background of the curriculum, special education curriculum, special education evaluation and integration of special education in vocational technical education in the talk. Therefore, this article reviews the role of the National Education Philosophy strengthening Technical Education and Vocational Special Education.*

## **Pengenalan**

Pendidikan merupakan agenda utama pembangunan sesebuah Negara dan sistem pendidikan yang baik mampu memberikan pendidikan kepada semua. Oleh itu, pendidikan yang khusus dan bersesuaian dengan keperluan dan kebolehan kanak-kanak yang pelbagai juga perlu disediakan. Pendidikan khas adalah pendidikan yang direka cipta dan dirancang untuk kanak-kanak istimewa.

Di Malaysia, pendidikan pemulihan khas telah disediakan untuk membantu murid mengatasi masalah kelemahan menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3m). Tanpa bantuan, mereka akan gagal membina keyakinan diri untuk belajar dan mencari pengalaman dalam memasuki alam pekerjaan.

Bagi mengelakkan pembaziran dalam pendidikan, penerokaan lebih awal terhadap bentuk pendidikan pemulihan yang lebih berkesan amat diperlukan untuk membantu murid yang lemah meningkatkan potensi diri mereka supaya mampu menjadi warganegara yang berguna pada masa hadapan. Agensi yang terlibat dalam pembangunan warga istimewa di Malaysia ialah Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Sumber Manusia.(Jamila K.A Mohemed, 2005)

Murid khas ataupun kanak-kanak yang istimewa merupakan sekumpulan murid yang kurang upaya dan mengalami masalah pembelajaran. Mereka memerlukan pendidikan dan perkhidmatan khusus bagi memperkembangkan potensi dan kemajuan sendiri. Pendidikan khas merujuk kepada pengajaran yang direka khas bagi melengkapkan keperluan seseorang kanak-kanak yang luar biasa dan memerlukan bahan-bahan pengajaran khas, teknik pengajaran yang luar biasa serta kemudahan-kemudahan yang tertentu (Hallahan & Kauffman, 1986).

Pendidikan khas juga merupakan pendidikan yang menyediakan keperluan pendidikan khas murid (Akta Pendidikan, 1996). Sekolah khas pula ialah sekolah yang menyediakan pendidikan khas yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan di bawah Seksyen 41.

### **Latar Belakang Kurikulum Pendidikan Khas**


Falsafah pendidikan khas ialah satu usaha yang berterusan untuk menggalakkan perkembangan optima seseorang individu sebagai seorang yang berkemahiran, berhaluan, berupaya, beriman, berdikari, mampu merancang dan menguruskan kehidupan serta menyedari potensi diri sendiri sebagai seorang individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan produktif selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Jabatan Pendidikan Khas, 2005).

Visi pendidikan khas ialah dengan memberikan pendidikan yang berkualiti bagi menjana murid berkeperluan khas selaras dengan sistem pendidikan kebangsaan manakala misinya ialah dengan membangunkan modal insan yang cemerlang berasaskan empat prinsip iaitu sistem pendidikan yang berkualiti, relevan dan menyeluruh. Kedua, perkembangan potensi diri ke tahap yang optimum, keupayaan berdaya saing dan kebolehpasaran dan perkongsian pintar dengan pelbagai pihak.

Objektif pendidikan khas ini pula menyediakan peluang dan kemudahan pendidikan khas untuk murid-murid dengan keperluan khas, menyediakan pendidikan yang sesuai dan relevan kepada setiap murid dengan keperluan asas, menyediakan peluang untuk mengembangkan bakat dan potensi murid dengan keperluan khas, menyediakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang mencukupi dan terkini dan memastikan tenaga pengajar yang mencukupi dan terlatih dalam bidang pendidikan khas. Selain itu, objektif pendidikan khas juga adalah untuk menguasai kemahiran asas 3m, meneruskan pembelajaran di kelas biasa dan membina keyakinan diri dan positif terhadap pembelajaran (Jabatan Pendidikan Khas, 2008).

Program pendidikan khas dapat di definisikan sebagai suatu program yang di sediakan di sekolah khas bagi murid-murid yang mempunyai kecacatan penglihatan ataupun pendengaran. Ia juga adalah suatu program pencantuman di sekolah biasa bagi murid-murid yang mempunyai kecacatan penglihatan atau kecacatan pendengaran atau masalah pembelajaran. Selain itu program ini juga adalah suatu program inklusif bagi murid-murid dengan keperluan khas yang dapat menghadiri di dalam kelas biasa bersama murid-murid biasa.

Program pendidikan khas dilaksanakan melalui Sekolah Khas bagi murid bermasalah pendengaran dan penglihatan. Program ini diwujudkan di sekolah harian biasa serta sekolah teknik dan vokasional yang menggunakan pendekatan pengajaran pembelajaran secara pengasingan dan separa inklusif. Tempoh belajar minimum bagi keperluan pendidikan khas di sekolah rendah adalah selama enam tahun manakala tempoh minimum sekolah menengah pendidikan khas selama lima tahun.



Rajah 1 : Struktur Pentadbiran Pendidikan Di Malaysia

### Kurikulum Pendidikan Khas

Pendidikan khas Kementerian Pendidikan Malaysia dilaksanakan melalui Sekolah Khas bagi murid bermasalah penglihatan dan bermasalah pendengaran, serta Program Pendidikan Khas Integrasi yang disediakan untuk murid-murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran, bermasalah pendengaran dan bermasalah penglihatan. Ia diwujudkan di sekolah harian biasa rendah dan menengah dan sekolah menengah teknik dan vokasional yang menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara pengasingan dan separa inklusif.

Dari segi kurikulum, murid Pendidikan Khas menjalankan aktiviti kokurikulum seperti murid biasa. Kurikulum yang digunakan di sekolah-sekolah pendidikan khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi ialah kurikulum kebangsaan dan kurikulum alternatif. Mengikut Akta Pendidikan 1996; Pendidikan (Peraturan Kurikulum Kebangsaan) 1997 mendefinisikan Kurikulum Kebangsaan sebagai;

*“Program pendidikan yang merangkumi aktiviti kurikulum dan kokurikulum yang mencakupi semua ilmu pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, elemen budaya dan kepercayaan untuk membantu mengembangkan murid sepenuhnya dari aspek fizikal, rohani, mental dan emosi serta memupuk dan memperkembangkan nilai murni yang diingini serta untuk menyebarkan ilmu pengetahuan”*

(Akta Pendidikan 1996)

Bagi kumpulan murid dalam spectrum ketidakupayaan yang ringan, sederhana dan teruk dengan pelbagai tahap kefungsiian daripada yang tinggi hingga rendah, telah digubal satu kurikulum khas untuk mereka iaitu Kurikulum Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKBP). Kurikulum ini digubal berasaskan kepelbagaian keupayaan individu berkeperluan khas yang tidak dapat menerima manfaat daripada program pendidikan arus perdana. Rekabentuk kurikulum yang dibina adalah bersifat fleksibel bagi membolehkan guru mengembangkan bakat dan potensi sedia ada.

Dalam konteks Malaysia kanak-kanak berkeperluan khas, ia menekankan kepada kebolehan, kefungsiian, kemahiran, perkembangan, penguasaan dan pencapaian kanak-kanak tersebut dalam kemahiran-kemahiran pengembangan (developmental skills). Maka adalah penting untuk menyediakan kurikulum yang bersesuaian dengan tahap kemahiran dan pengetahuan kanak-kanak tersebut. Hal ini selaras dengan matlamat pendidikan khas di Malaysia iaitu untuk memberi kesinambungan program yang bermutu bagi memenuhi keperluan dan kebolehan khusus kepada kanak-kanak berkeperluan khas dalam persekitaran (suasana) biasa

Kurikulum Pendidikan Khas bermatlamat untuk menyediakan ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel untuk memenuhi keperluan individu dengan pelbagai tahap keupayaan ke arah kehidupan bermakna. Selain itu, kurikulum ini juga menetapkan satu bentuk pengajaran yang tidak terikat, iaitu aktiviti-aktiviti pembelajaran boleh dibentuk mengikut keperluan dan keupayan murid melalui bidang- bidang seperti pengurusan kehidupan, akademik berfungsi, kerohanian dan nilai - nilai murni, serta sosial, riadah dan kreativiti.

Dalam setiap bidang utama tersebut, masing-masing terdapat komponen-komponen kecil seperti berikut:

- a) Bidang Pengurusan Diri
  - Komponen Pengurusan Diri
  - Komponen Kemahiran Manipulatif
  - Komponen Pengurusan Tingkah laku
  - Komponen Kemahiran Hidup
  
- b) Bidang Akademik Berfungsi
  - a. Komponen Bahasa Melayu
  - b. Komponen Matematik
  - c. Komponen Bahasa Inggeris
  - d. Komponen Multimedia
  
- c) Bidang Kerohanian dan Nilai-Nilai Murni
  - a. Komponen Pendidikan Agama Islam
  - b. Komponen Pendidikan Moral
  
- d) Bidang Sosial, Riadah dan Kreativiti
  - a. Komponen Pendidikan Jasmani
  - b. Komponen Pendidikan Seni
  - c. Komponen Pendidikan Muzik, Gerakan dan Drama
  - d. Komponen Sains, Sosial dan Alam Sekitar

Melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel dan bersepadu diharapkan dapat melahirkan individu yang memiliki ciri-ciri seperti mampu berdikari, berdisiplin dan bersikap positif, bermoral dan beretika, berkemahiran dan berketerampilan, serta produktif dan boleh menyumbang kepada keluarga, masyarakat dan Negara. Hasil pembelajaran tersebut adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Khas (FPK) iaitu,

*“Ia menyediakan perkembangan optimum kanak-kanak dengan keperluan-keperluan pendidikan khas agar dapat berfungsi sebagai individu yang berkemahiran, berdikari, berhaluan, boleh merancang, mengurus kehidupan sendiri, boleh menyedari potensi sendiri dan boleh menyesuaikan diri dalam masyarakat”*

## Penilaian Kurikulum Pendidikan Khas

Pelajar-pelajar pendidikan khas adalah pelajar yang mempunyai kekurangan dari segi fizikal, pendengaran, penglihatan dan percakapan. Walaupun begitu, mereka tetap bersekolah kerana mereka juga ingin menjadi manusia yang berguna dan ingin mempunyai pekerjaan. Penilaian tetap diutamakan untuk mereka mengikut tahap persekolahan mereka. Berdasarkan Buku Maklumat Pendidikan Khas Jpn, Sabah (2009) menggariskan 4 peringkat penilaian iaitu:

### 1. Pra Sekolah Pendidikan Khas

- Program Pra-sekolah Pendidikan Khas di jalankan untuk murid-murid yang mempunyai masalah pendengaran dan penglihatan
- Program Pendidikan Khas Pra-sekolah Integrasi : program ini di jalankan di sekolah aliran perdana yang melaksanakan Program Integrasi Pendidikan Khas
- Syarat kemasukan ke pra-sekolah
  - Berumur 4 tahun
  - Di sahkan oleh pengamal perubatan
  - Boleh mengurus diri tanpa bantuan orang lain

### 2. Pendidikan Rendah

- Semua sekolah rendah pendidikan khas bermasalah pendengaran dan penglihatan menawarkan aliran akademik dan menggunakan kurikulum kebangsaan.
- Pelajar-pelajar ini akan menduduki Ujian Pendidikan Sekolah Rendah semasa di darjah 6
- Pelajar-pelajar berkeperluan khas yang mengikuti Program Pendidikan Khas Integrasi boleh mengikuti kurikulum kebangsaan atau kurikulum alternatif
- Bagi pelajar-pelajar bermasalah pendengaran dan bermasalah penglihatan mereka menggunakan kurikulum kebangsaan manakala pelajar-pelajar bermasalah pembelajaran menggunakan kurikulum alternatif

- Mereka yang berkemampuan untuk mengikuti kurikulum kebangsaan akan menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)
- Syarat kemasukan murid ke Program Pendidikan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia ialah
  - Berumur 6 hingga 14 tahun
  - Di sahkan oleh pengamal perubatan
  - Boleh mengurus diri tanpa bantuan orang lain

### 3. Pendidikan Menengah

- Murid bermasalah pendengaran dan penglihatan mengikuti pendidikan menengah aliran akademik di sekolah menengah yang mempunyai Program Pendidikan Khas
- Manakala murid bermasalah pembelajaran yang tidak dapat mengikuti pembelajaran biasa akan mengikuti pendidikan yang penilaiannya akan dibuat berdasarkan pencapaian mereka di peringkat sekolah.
- Syarat kemasukan murid ke peringkat menengah Program Integrasi Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia ialah
  - Berumur 12 hingga 19 tahun
  - Di sahkan oleh pengamal perubatan
  - Boleh mengurus diri tanpa bantuan orang lain

### 4. Program Pemulihan Khas

- Program ini merupakan satu program yang disediakan bagi membantu pelajar mengatasi masalah belajar yang khusus dalam penguasaan 3M
- Murid yang dikenal pasti sebagai belum menguasai kemahiran asas 3M pada tahap satu akan mengikuti Program Pemulihan Khas
- Program ini dilaksanakan hampir semua sekolah rendah
- Program yang dijalankan ialah Program Pendidikan Pemulihan Khas Tahap Satu (PKTS)
- Murid disaring dengan menggunakan Instrumen Penentu penguasaan IPP3M/IPP2M
- IPP3M terbahagi kepada IPP3M1 untuk murid tahun 1 dan IPP3M untuk murid tahun 2 IPP3M3 untuk murid tahun 3



- Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran adalah dengan menggunakan sistem pengasingan sementara (Withdrawal)

### **Integrasi Antara Pendidikan Khas dengan Pendidikan Teknikal dan Vokasional**

Berdasarkan kepada UNISCO and ILO (2002) badan itu mendefinisikan pendidikan teknik vokasional sebagai satu bahagian dari bidang pendidikan, satu persediaan untuk bidang pekerjaan dan cara untuk menyesuaikan diri dalam dunia pekerjaan, satu aspek untuk pembelajaran sepanjang hidup dan satu persediaan sebagai rakyat yang bertanggungjawab, satu kaedah untuk mempromosikan pembangunan yang berterusan dan kaedah untuk memudahkan pembasmian kemiskinan

Pada tahun 1999. Pada Kongres Antarabangsa Kedua di Seoul dan pada 30 sidang Persidangan Umum UNESCO di Paris bersetuju untuk mentakrifkan “pendidikan teknik dan vokasional dan latihan” (TVET) sebagai gabungan proses pendidikan dan latihan dan mengenali objektif mereka untuk mendapatkan kerja sebagai matlamat. Definisi TVET yang di berikan oleh Learnovation Consortium (2008) adalah bertujuan untuk menyediakan orang dengan kemahiran dan kecekapan yang boleh di gunakan dalam pasaran kerja.

Berdasarkan kepada Jamila K.A Mohamed(2005) menyatakan bahawa terdapat 3 aliran latihan vokasional yang dilaksanakan di peringkat persekolahan menengah atas untuk murid berkeperluan khas iaitu:

1. Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang yang menempatkan murid bermasalah pendengaran.

Murid-murid mengikuti Mata Pelajaran Vokasional (MPV) sebagai subjek elektif dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Program ini mula dilaksanakan pada tahun 2002. Bidang matapelajaran vokasional meliputi membuat pakaian wanita, elektrik domestik, pertukangan kayu/perabot dan pembinaan domestik.

2. Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Shah Alam Selangor, merupakan sekolah vokasional terulung untuk menempatkan murid bermasalah pendengaran mengikuti latihan vokasional sepenuhnya.

Sekolah ini dibuka pada 1987 dan murid-murid bermasalah pendengaran diberikan latihan vokasional menggunakan Modul Standard Kebangsaan Kemahiran Pekerjaan (NOSS) yang dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia. Mereka menjalani latihan selama dua tahun dan murid yang berjaya memenuhi syarat keperluan NOSS dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM 1) dan yang gagal mencapai peringkat kecekapan yang ditetapkan akan dikurniakan Sijil Pendidikan Khas Vokasional. Selain itu, murid berkeperluan khas juga akan mengikuti latihan kemahiran industri di firma-firma untuk mempraktikkan apa yang telah dipelajari di sekolah. Antara bidang latihan Vokasional yang ditawarkan termasuklah jurubatik lukis, jurubatik terap, mekanik penyejukbekuan dan penyaman udara, jurukimpal arca logam berperisai dan pemasangan badan motosikal

3. Sekolah Menengah Pendidikan Khas Indahpura, Kulai, Johor pula merupakan sekolah vokasional pertama di Malaysia yang menempatkan tiga kategori kecacatan murid yang terdiri daripada murid bermasalah pendengaran, penglihatan dan pembelajaran.

Sekolah ini yang mula beroperasi pada 2004 boleh menempatkan 250 orang murid dalam satu-satu kohort. Dua jenis kurikulum dilaksanakan di sekolah ini. Murid bermasalah pendengaran mengikuti Kurikulum Aliran Perdana dengan elektif Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Grafik Berkomputer dan Solekan serta Dandanan Rambut. Murid bermasalah penglihatan mengikuti Kursus Juru Refleksologi dan Juru Urut dengan NOSS.

4. Sekolah Menengah Harian Program Integrasi pula menempatkan murid-murid bermasalah pendengaran yang tamat tingkatan 3. Mereka turut diberikan ruang untuk menyambung pelajaran dalam bidang kemahiran vokasional dengan mengikuti kurikulum arus perdana dan subjek elektif mata pelajaran vokasional, di sekolah-sekolah Menengah harian secara integrasi atau inklusif.

5. Pendidikan teknik dan vokasional di Sekolah Menengah Teknik di bawah kelolaan Jabatan Pendidikan Teknikal pula membuka ruang kepada murid-murid bermasalah pendengaran dan juga pembelajaran bagi mengikuti Latihan Kemahiran di peringkat sekolah.

Walaupun semua usaha yang di lakukan adalah untuk membantu golongan murid bermasalah pembelajaran, namun ia belum cukup untuk memberi latihan kepada golongan tersebut. Oleh itu, satu draf Kurikulum Mata Pelajaran Vokasional Khas(MPV-Khas) telah di luluskan oleh Jawatankuasa Kurikulum Pusat di kementerian pada April 2006 untuk dilaksanakan secara rintis melalui Program Integrasi Sekolah Menengah. Enam komponen kursus yang di tawarkan adalah:

- I. Pertanian
- II. Perkhidmatan
- III. Masakan
- IV. Penyelenggaraan
- V. Kraftangan
- VI. Jahitan

Dalam melaksanakan program rintis pada tahun 2007, 6 buah Program Integrasi Masalah Pembelajaran di sekolah menengah telah di pilih iaitu:

- I. SMK Pekan Baru Muar, Johor
- II. SMK Bandar Sunway, Selangor
- III. SMK Sungai Besar, Selangor
- IV. SMK Tengku Mahmud Iskandar, Tangkak, Johor
- V. SMK Taman Setiawangsa, Kuala Lumpur
- VI. SMK Tun Tuah, Melaka

## **Perbincangan**

Pendidikan khas semakin mendapat perhatian dari segi kurikulum, sekolah, pelajar dan juga tenaga pengajar. Mereka sepatutnya mendapat peluang yang sama seperti murid-murid biasa dan tidak di sisihkan oleh kerana kekurangan yang mereka tidak harapkan. Ini semua adalah berdasarkan Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran dan

memberikan penekanan yang lebih jelas terhadap perkembangan pendidikan khas di Malaysia. Ini di sokong oleh satu perakuan di bawah:

*“ Dengan adanya kesedaran bahawa kerajaan seharusnya bertanggungjawab terhadap pendidikan kanak-kanak cacat. Adalah di perkukan kerajaan mengambil alih sepenuhnya tanggungjawab pendidikan itu daripada pihak-pihak persatuan yang mengendalinya pada masa ini. Di samping itu, penyertaan badan-badan sukarela dalam memajukan pendidikan khas adalah di galakkan”*

(Buletin Pendidikan Khas, November 1997)

Setiap murid-murid yang cacat mempunyai kekurangan masing-masing. Tetapi sebagai pendidik, haruslah kita memberi kasih sayang yang secukupnya dan tidak membezakan mengikut kekurangan mereka. Mereka tidak meminta untuk di lahirkan sebegitu dan mereka juga mengharapkan untuk hidup normal seperti orang lain. Setiap kecacatan mereka dapat di bahagikan kepada 6 jenis. Berdasarkan kepada Akta Pendidikan 1996 menyatakan bahawa murid-murid dengan keperluan khas bermakna murid-murid yang mempunyai kecacatan penglihatan, kecacatan pendengaran dan masalah pembelajaran.

Walaupun mereka di bekalkan dengan sekolah, kelengkapan, guru dan sebagainya, ia tetap tidak menjamin peluang pekerjaan untuk mereka. Ini kerana tidak semua yang keluar dari sekolah ataupun tempat latihan akan di jamin peluang pekerjaan di luar. Perkara pertama yang mereka harus hadapi adalah persaingan dengan orang biasa. Seperti yang kita sedari, dengan ekonomi yang tidak kukuh menyebabkan peluang pekerjaan yang ada terlalu sedikit dan sudah pasti peluang itu lebih cenderung kepada orang yang normal berbanding mereka yang mempunyai kekurangan dan kecacatan.

Selain itu, faktor majikan yang mendiskriminasikan orang-orang yang kurang upaya ini juga dapat di lihat dalam realiti sekarang. Contohnya adalah, majikan tidak akan memilih orang kurang upaya untuk bekerja sedangkan ada antara mereka yang mempunyai kelulusan seperti orang biasa. Majikan perlu di ingatkan bahawa berdasarkan Kod Amalan Penggajian Orang Kurang Upaya mengatakan bahawa setiap majikan perlu memastikan 1 peratus kuota pekerja adalah terdiri dari orang kurang upaya(OKU). Tetapi berdasarkan realiti sekarang, tidak semua melaksanakan kod ini.

Selain itu, tidak boleh salahkan semua orang tetapi hendaklah melihat kepada diri sendiri. Orang kurang upaya haruslah menyiapkan diri mereka dengan kemahiran generik selain kemahiran asas yang sedia ada. Dengan kemahiran generik, oku dapat bersaing dengan orang normal di tempat kerja. Seperti yang kita ketahui, kemahiran generik merupakan kemahiran yang penting dalam bekerja.

Faktor tidak dapat menyesuaikan diri di tempat kerja juga merupakan kelemahan oku. Ramai oku yang telah menjalani latihan dan mempelajari pelbagai kerja tidak dapat mencari kerja yang sesuai ataupun tidak bertahan lama, Ini kerana mereka lebih selesa bekerja dengan rakan-rakan yang mempunyai kekurangan seperti mereka. Oleh sebab itu, pihak latihan oku terpaksa menggaji mereka atas kerja yang mereka lakukan di tempat latihan.

## **Penutup**

Pendidikan khas merupakan satu peluang untuk oku mempelajari latihan dan mengambil pengalaman sebelum melangkah keluar ke tempat kerja. Mereka perlu mempersiapkan diri dengan kemahiran asas di samping kemahiran generik agar dapat bersaing dengan orang normal. Pihak kerajaan dan swasta haruslah lebih prihatin dengan member peluang kepada oku untuk bekerja. Walaupun begitu, oku tidaklah harus cepat mengalah kerana rezeki berada di mana sahaja jika kita berusaha.

Semua pihak haruslah memberikan kerjasama dan bantuan agar kita lebih prihatin dengan oku. Berdasarkan integasi pendidikan khas dan pendidikan teknikal vokasional dapat melahirkan lebih ramai oku yang mampu bekerja di dalam sector industri Negara ini. Akhir sekali, sebagai orang normal janganlah kita memperkecilkan oku kerana mereka juga manusia cuma mempunyai kekurangan berbanding manusia biasa.

## **Rujukan**

*Garis Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas 2008.* Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia.

<http://ceritarasahati2.blogspot.com/2009/05/kurikulum-pendidikan-khas-pkbp.html> retrieved on 4 oct 2010.

<http://anuarsped.blogspot.com/2009/01/akta-pendidikan-khas.html> retrieved on 4 oktober 2010

<http://anuarsped.blogspot.com/2009/01/falsafah-pendidikan-khas.html> retrieved on 4 okt 2010

<http://www.gradschools.com/article-detail/special-education-curriculum-248> retrieved on 4 oktober 2010

<http://jpt.mohe.gov.my/RUJUKAN/akta/akta%20pendidikan%201996.pdf> retrieved on 4 oktober 2010.

Jamila K. A. Mohamed(2005), *Pendidikan khas untuk kanak-kanak istimewa*. PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.

Learnovation Consortium (2008), *ICT, Lifelong Learning and Innovation in Vocational Education and Training*, European Commission

Mah Hassan Haji Omar, *Akta orang cacat 200*. Majlis Penasihat dan Perundangan bagi Orang Kurang Upaya.

Rachel Talmor dan Zohar Dayan Romem (2009). *An Integrative Model For Including Children With Autistic Spectrum Disorder In General Education Settings – A Practical Lesson In Israel*. Wingate Institute: Israel

Siti Hawa Abdullah, *Pendidikan Untuk OKU di Malaysia*. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan. Universiti Sains Malaysia.

UNISCO and ILO (2002), *Technical and Vocational Education and Training for the Twenty-first Century* : UNESCO and ILO Recommendations, France and Switzerland

Wong Huey Siew dan Sandiyao Sebastian (2002), *Pendidikan bagi Komuniti Orang Kurang Upaya*. Issues in Education, Volume 25, Universiti Malaya

Zainudin Mohd. Isa(2008). *Analisis Keperluan Kurikulum Pendidikan Vokasional Pelajar Bermasalah Pembelajaran (LD) di Malaysia*. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan : Universiti Kebangsaan Malaysia.